

**MODEL BARU PENGAJARAN AL-QURAN MENGGUNAKAN KAEDAH IQRA'
NEW MODEL OF TEACHING AL-QURAN USING IQRA' METHOD**Shahrulanuar Mohamed^{1*}, Mohd Zulfadzli Abd Wahab², Nooraini Sulaiman³, Mariam Abd. Majid⁴¹ Pensyarah Kanan, Institusi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), shahrulanuar@utem.edu.my² Guru, SK Paya Panjang, Batu 9, Bukit Pasir, 84300 Muar, Johor, muarian@oum.edu.my³ Pensyarah Kanan, Institusi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), nooraini@utem.edu.my⁴ Mariam Abd. Majid, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), mariam@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021

Selepas Pembetulan: 07 November 2021

Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Kajian ini memfokuskan tentang model baru pengajaran al-Quran menggunakan kaedah Iqra'. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti faktor penguasaan kaedah Iqra' murid tahun satu sekolah-sekolah rendah daerah Muar. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti matlamat kaedah Iqra' dalam setiap bab yang ada dalam buku Iqra' dan manfaatnya kepada murid. Pada akhirnya kajian ini cuba mengenalpasti model pengajaran baru yang sesuai dan relevan dalam meningkatkan penguasaan kaedah Iqra'. Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam dalam daerah Muar seramai 100 orang. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian di samping kajian perpustakaan, temu bual dan pemerhatian. Penyelidik menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan peratus melalui perisian Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) versi 20.0. Dapatan analisis mendapati bahawa penguasaan murid dalam kaedah Iqra' berada pada tahap lemah dan perlu dipertingkatkan lagi. Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada keadaan itu. Oleh yang demikian, penyelidik telah mencadangkan satu model baru yang lebih tersusun dan mudah menggunakan kaedah Iqra' bagi meningkatkan penguasaan murid dalam pembelajaran al-Quran seterusnya dapat membantu hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melahirkan murid yang dapat mengkhatamkan al-Quran sebelum melangkah ke sekolah menengah.

Kata kunci

Model Baru, Pengajaran al-Quran, Iqra'

Abstract

This study focuses on a new model of teaching the Qur'an using the method of Iqra'. The objective of this study is to identify the factors of mastery of Iqra' method of first year students of primary schools in Muar district. In addition, this study was also conducted to identify the purpose of the method of Iqra' in each chapter in the Book of Iqra' and its benefits to students. In the end this study tries to identify new teaching models that are suitable and relevant in improving the mastery of Iqra' method. The respondents of this study consisted of 100 Islamic Education Teachers in the district of Muar. In this study, researchers used questionnaires as research instruments in addition to library research, interviews and observations. Researchers used descriptive statistics to obtain mean and percentage values through Statistical Package For The

Social Sciences (SPSS) version 20.0. The findings of the analysis found that the students' mastery in the method of Iqra' is at a weak level and needs to be further improved. The study found that there are several factors that contribute to the condition. Therefore, researchers have proposed a new model that is more structured and easy to use Iqra' method to improve students' mastery of the Qur'an which in turn can help the Ministry of Education Malaysia to produce students who can complete the Qur'an before going to secondary school.

Keywords

New Model, Quranic Teachings, Iqra'

1. Pengenalan

Matlamat pengajaran Iqra' adalah satu usaha untuk membolehkan para pelajar dapat khatam al-Quran dengan baik. al-Quran pula telah diajar sebagai sebahagian Pendidikan Islam dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran pada masa ini. Namun ia tidak menekankan pembelajaran sehingga khatam al-Quran kerana ia memerlukan bimbingan berterusan daripada bilangan guru yang sesuai dengan nisbah murid yang menepati pendekatan talaqqi dan musyafahah (iaitu satu kaedah pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar). Oleh itu Pendidikan Islam pada masa ini hanya menjurus kepada kebolehan membaca sahaja manakala aspek khatam tidak ditekankan di sekolah tetapi menyerahkannya kepada masyarakat.

Sehubungan itu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Islam telah menetapkan bahawa semua murid yang beragama Islam di setiap sekolah rendah hendaklah menguasai sukatan Iqra' satu hingga enam pada penggal pertama persekolahan tahun satu. Iqra' merupakan salah satu komponen dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KPM yang digariskan untuk dipelajari oleh semua murid beragama Islam di Sekolah Rendah di SK (Sekolah Kebangsaan) mahupun SJK (Sekolah Jenis Kebangsaan) Cina dan Tamil. Murid hendaklah menguasainya pada tahun satu lagi supaya mudah meneruskan pembelajaran pada semester kedua yang bertumpukan bacaan al-Quran (Panduan Pelaksanaan j-QAF, 2005).

Penguasaan kaedah Iqra' pada tahun satu yang sepatutnya dikuasai pada enam bulan pertama merupakan isu yang berlegar' yang berlegar dalam kalangan para guru Pendidikan Islam. Ia seolah-olah dianggap biasa apabila tidak dapat dikuasai oleh murid-murid. Padahal penguasaan itu merupakan satu dasar yang digariskan KPM dalam penggubalan dasar Pendidikan Islam sewaktu diwujudkan Program j-QAF (Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain) yang digagaskan ideanya oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia kelima iaitu Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi. Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengetahui apakah faktor-faktor yang menyebabkan murid tahap satu khususnya tahun satu tidak dapat menguasai Iqra' saban tahun yang merupakan dasar KPM. Penyelidik juga akan cuba menyingkap sama ada berlakunya ketirisan dari segi teknik pengajaran guru dan sebagainya.

Penguasaan kaedah Iqra' merupakan keperluan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi murid tahun satu daripada Januari hingga Jun. Setiap murid hendaklah menguasai Iqra' satu hingga Iqra' enam pada enam bulan pertama. Ini kerana pada enam bulan kedua (Julai hingga Disember), murid tahun satu akan didedahkan pula dengan bacaan al-Quran. Sekiranya murid tahun satu tidak dapat menguasai Iqra' pada enam bulan pertama, maka ianya akan menjadi sukar

untuk mereka pada enam bulan kedua yang akan beralih kepada sukatan yang seterusnya. Dalam hal ini, murid tahun satu di daerah Muar turut mengalami masalah yang sama.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut iaitu untuk mengenalpasti faktor penguasaan kaedah Iqra' murid tahun satu sekolah-sekolah rendah daerah Muar. Selain itu, kajian ini juga untuk mengenalpasti matlamat kaedah Iqra' dalam setiap bab yang ada dalam buku Iqra' dan mengenalpasti model pengajaran baru yang sesuai dan relevan dalam meningkatkan penguasaan kaedah Iqra'.

2.0 Sorotan Kajian

Kaedah Iqra' dikenal pasti sebagai antara kaedah yang dapat membantu mempercepatkan kanak-kanak menguasai kemahiran membaca al-Quran dengan baik. Unit Pendidikan Islam dan Moral di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Majlis Kegiatan Dakwah Islamiyah Sekolah-sekolah Persekutuan (MAKDIS) telah berusaha menerbitkan modul pengajaran Iqra'. Modul ini adalah satu contoh panduan untuk kegunaan guru menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam kelas. Ianya disusun dengan mengambil kira keupayaan dan kemampuan murid menguasai asas kemahiran seperti mengenal, menyebut, mengeja, membaca dan menulis serta pelbagai aktiviti yang dapat menarik minat murid sepanjang tempoh enam bulan pertama bagi sesi persekolahan setiap tahun.

Pengajaran Iqra' di sekolah rendah terutamanya di tahun satu melibatkan 60 minit seminggu. Ianya diajar pada waktu PdP al-Quran. Inilah jumlah masa yang diperuntukkan oleh KPM demi menjayakan pengajaran Iqra' di tahun satu. Jumlah sebenar pengajaran pendidikan Islam di sekolah rendah ialah 180 minit seminggu yang melibatkan 90 minit bagi pengajaran Ulum Syariah, 30 minit bagi pengajaran Jawi dan 60 minit bagi pengajaran al-Quran. (Panduan Pelaksanaan j-QAF, 2005). Modul ini berpandukan kepada sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran tilawah al-Quran, di samping menggariskan panduan kepada guru langkah-langkah pengajaran dengan menitikberatkan kemahiran-kemahiran yang harus dicapai oleh murid. Modul tersebut juga mengandungi isi pelajaran, objektif, set induksi, aktiviti, media dan langkah-langkah pengajaran mengikut agihan waktu pengajaran sepanjang enam bulan. Demikian juga, kerja-kerja susulan dan latihan-latihan bagi menguji keberkesanan pembelajaran yang dikuasai murid.

Terdapat beberapa kajian yang dijalankan bagi melihat kebolehgunaan kaedah Iqra' dalam sukatan di Malaysia. Antaranya ialah kajian yang telah dibuat oleh Mohd Alwi, *et.al* (2009) bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran di sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian dilakukan di dua puluh tujuh buah sekolah di beberapa buah negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan enam buah sekolah agama swasta. Walaupun kaedah ini telah berjalan selama lebih sepuluh tahun di Malaysia dan sebahagian negara Asia Tenggara akan tetapi sehingga sekarang belum ada lagi kajian tentang keberkesanan kaedah ini terutama pelaksanaannya di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia. Sepanjang kajian lapangan yang dilakukan di sekolah-sekolah yang dilawati, melalui temuramah-temuramah dan juga soal selidik yang diadakan dengan pihak-pihak yang terbabit seperti penyelia, guru pakar dan murid, telah menghasilkan beberapa keputusan.

KPM telah menjadikan Iqra' sebagai sukatan bagi model khatam al-Quran di sekolah rendah setelah melihat kejayaan yang telah dicapai oleh penggunaannya di Indonesia dan Brunei. Apatah lagi kaedah Iqra' yang sangat mudah bagi murid tanpa mengetahui baris dan tajwidnya bahkan cukup bagi mereka menyebut bunyinya setelah dibacakan oleh guru pada awal pembelajaran dan pengenalan bunyi (Panduan Pelaksanaan j-QAF, 2005).

Kaedah Iqra' bermula apabila As'ad Humam yang pada mulanya mengenali kaedah Baghdadi telah beralih cara pengajarannya kepada kaedah Qira'ati selama tiga tahun. Di sini ia menemui beberapa perkara yang masih perlu disempurnakan untuk kepentingan para pelajarnya. Walau bagaimanapun, beliau merasakan bahawa pihak penyusun kaedah Qira'ati kurang memberi perhatian terhadap cara yang sudah disusunnya. Berdasarkan kurangan yang ada pada kaedah Qira'ati itu, beliau telah menyusun sendiri kaedah beliau yang tersendiri dan telah cuba menggubal kaedah yang dianggap lebih baik. Penyusunan kaedah yang dinamakan sebagai kaedah Iqra' hampir tidak berbeza dengan Qira'ati (Mohd Yusof, 2000).

Menurut Norsyida Md Zin, *et.al* (2014), terdapat beberapa kelebihan yang terdapat pada kaedah Iqra' ini yang menjadikan ianya berbeza daripada yang lain. Antara kelebihan yang ada pada kaedah Iqra' ini ialah memberi peluang kepada penggunaannya untuk membaca terus tanpa mengeja terlebih dahulu huruf yang dipelajarinya. Murid tidak diperkenalkan terlebih dahulu kepada nama-nama huruf hijaiyah dan tanda-tanda bacaan. Para penggunaannya terus diperkenalkan bunyi satu-satu huruf dengan menggunakan buku Iqra' yang ada.

Menurut Mohd Alwi Yusoff, *et.al* (2009), hasil soal selidik yang dijalankan menyatakan bahawa perlunya ada hubungan yang baik di antara guru dan cara pengajaran dalam bidang mengajar membaca al-Quran mengikut kaedah Iqra'. Guru perlu memahami dan menghayati betul-betul kaedah ini serta ada kelenturan dalam penggunaan cara mengajar yang digariskan mengikut keperluan walaupun tiada panduan khusus kepada guru. Didapati bahawa 29 peratus sahaja dari guru-guru di sekolah yang dilawatnya mempunyai rancangan harian terutama yang membabitkan pengajaran Iqra' dalam bilik darjah. Ini berlaku disebabkan kurangnya pendedahan guru terhadap cara mengajar yang sebenar dan betul bagi kaedah Iqra'. Hanya 35 peratus sahaja guru-guru yang ditemui pernah menerima latihan dan menghadiri kursus dalam melaksanakan cara pengajaran kaedah Iqra'. Sebahagian besar guru tidak pernah mengikuti kursus. Mereka hanya bergantung kepada panduan yang tercatat dalam buku Iqra'. Di negeri Pahang dan Perak mencapai 99 peratus guru-guru yang betul-betul mengikut cara pengajaran Iqra' dan menggunakan tempoh masa seperti yang ditetapkan. Ia disebabkan oleh pemantauan yang teliti oleh pihak berkenaan dan pendedahan yang cukup kepada guru-guru.

Menurut Mohd Aderi (2004), perbezaan cara pengajaran al-Quran di antara sekolah dan rumah turut disenaraikan sebagai salah satu masalah yang melambatkan proses pengajaran menggunakan kaedah Iqra' di sekolah. Masalah ini biasanya terjadi di kawasan luar bandar yang kebanyakannya sudah dibiasakan dengan kaedah lama seperti *Baghdadi* yang memerlukan mengenal huruf dan baris terlebih dahulu dalam mempelajari al-Quran. Dengan adanya perbezaan pengajaran di rumah dan di sekolah,

maka sedikit sebanyak ianya mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Nuratiqah dan Noornajihan (2018), dalam kajian mereka mendapati bahawa penggunaan aplikasi Smart Iqra' merupakan satu kaedah yang baik bagi membantu pelajar yang bekeperluan khas. Kaedah ini memberi impak yang positif kepada murid-murid dari sudut peningkatan kualiti penguasaan al-Quran serta mempunyai keupayaan mempelajari bacaan al-Quran dengan baik. Hal ini penting dalam memberi sumbangan yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

Selain itu faktor persekitaran juga membantu dalam penguasaan Iqra' dalam kalangan pelajara sekolah rendah. Elias (2016) dalam kajiannya mendapati tinjauan awal terhadap responden berkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran bacaan Iqra' berada pada tahap lemah. Ini ada kerana hanya 25 peratus responden mengakui mereka lancar dalam bacaan Iqra' kerana faktor persekitaran. Faktor persekitaran juga memainkan peranan penting dalam penguasaan pelajar terhadap bacaan Iqra'. Kebolehan ibubapa dalam bacaan Iqra' sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar menguasai kemahiran tersebut dan mempelajarinya di rumah dengan bantuan ibu bapa.

Siti Rahmah *et. al* (2017), pula dalam kajiannya mendapati penghasilan Iqra' versi Braille telah banyak membantu golongan OKU penglihatan untuk mempelajari al-Quran. Ia juga telah dijadikan sebagai bahan pengajaran utama dalam sukatan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah aliran perdana masa kini. Walaubagaimanapun, hasil kajian awal penyelidik didapati wujudnya beberapa isu yang timbul apabila modul Iqra' Braille ini dijadikan asas kepada pengajaran dan pembelajaran al-Quran Braille. Hal ini kerana terdapat beberapa ketidakseragaman di antara teks Iqra' Braille dengan teks al-Quran Braille terbitan PERTIS yang diguna pakai secara meluas di Malaysia. Asas utama ketidakseragaman ini berlaku kerana beberapa prinsip penulisan yang berbeza di antara teks-teks tersebut di mana teks Iqra' Braille yang ditranskrip daripada teks Iqra' yang asal adalah lebih cenderung mengikut kaedah *Rasm Uthmaniyy* manakala al-Quran Braille terbitan PERTIS pula ditulis menggunakan kaedah *Rasm Imlai*.

3.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Dapatan kajian diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden. Soal selidik mengandungi 48 item yang terdiri lima bahagian. Bahagian A diperuntukkan untuk maklumat demografi responden terdiri daripada maklumat jantina iaitu lelaki atau perempuan; dan Zon Sekolah Mengajar responden iaitu sama ada Zon Jorak, Sungai Abong, Maharani atau Sungai Balang. Bahagian B diperuntukkan untuk menjawab objektif kajian pertama (Faktor Penguasaan Murid Dalam Kaedah Iqra') yang mengandungi 17 item soalan. Dalam bahagian ini, penyelidik telah membahagikan kepada dua bahagian yang mana bahagian B (1) merupakan item bagi melihat pemerhatian guru yang mengajar terhadap penguasaan murid di sekolah responden mengajar. Manakala bahagian B (2) pula merupakan item bagi melihat pemerhatian guru terhadap diri sendiri. Bahagian C yang terdiri daripada 7 item adalah bagi menjawab objektif kajian kedua (Mengenalpasti Matlamat Kaedah Iqra'). Dalam soal selidik yang dikemukakan, Bahagian D (Model Pengajaran al-Quran Baru Menggunakan Kaedah Iqra')

mengandungi 17 item yang diperlukan untuk responden menjawabnya bagi memberikan respons bagi menjawab objektif kajian ketiga.

Maklumat dan data yang diperolehi adalah berbentuk kuantitatif. Penganalisaan data dalam kajian ini dilakukan dengan bantuan komputer. Data yang diperolehi daripada soal selidik dimasukkan ke dalam komputer dan diproses dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 20.0. data kemudiannya dianalisa dengan menggunakan statistik deskriptif. Statistik deskriptif yang digunakan ialah pencarian min dan peratus.

4.0 Hasil Kajian dan Perbincangan

Dalam bahagian ini akan membincangkan hasil kajian dan perbincangan berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan sebelum ini. Oleh itu perbincangan akan melihat aspek demografi dan diikuti pula dengan dapatan utama kajian.

4.1 Demografi Responden

Berikut adalah maklumat demografi responden yang berkaitan dengan jantina dan zon sekolah yang diajar oleh mereka.

4.1.1 Jantina

Jadual 4.1 Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	34	34.0
Perempuan	66	66.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 4.1.1 menunjukkan jumlah responden yang terdiri daripada 34 orang responden lelaki yang mewakili 34 peratus dan 66 orang responden perempuan yang mewakili 66 peratus. Pemilihan responden merupakan pemilihan yang seimbang daripada jumlah keseluruhan Guru Pendidikan Islam Daerah Muar mengikut jantina yang mengajar murid tahun satu di daerah Muar.

4.1.2 Zon Sekolah Mengajar

Jadual 4.2 Zon Sekolah Mengajar

Zon	Kekerapan	Peratus
Jorak	19	19.0
Sungai Abong	30	30.0
Maharani	28	28.0
Sungai Balang	23	23.0
Jumlah	100	100.00

Jadual 4.1.2 menunjukkan bilangan responden mengikut zon sekolah yang diajar oleh mereka. Daripada jadual yang tertera menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam daripada Zon Sungai Abong merupakan responden tertinggi iaitu 30 orang yang mewakili 30 peratus, responden daripada Zon Maharani merupakan responden kedua tertinggi iaitu 28 orang yang mewakili 28 peratus dan diikuti oleh responden daripada Zon Sungai Balang iaitu 23 orang yang mewakili 23 peratus serta Zon Jorak

merupakan zon yang terendah jumlah respondennya iaitu 19 orang yang mewakili 19 peratus.

Zon Sungai Abong merupakan zon terbesar yang ditetapkan oleh PPD Muar yang mempunyai paling banyak sekolah dan murid dalam daerah Muar. Selain itu, Zon Sungai Abong juga mempunyai guru paling ramai dalam daerah Muar diikuti oleh Zon Maharani, Zon Sungai Balang dan Zon Jorak. Zon Jorak merupakan zon paling sedikit sekolah dan murid yang belajar. Maka tidak hairanlah bahawa Zon Jorak hanya mencatat responden paling rendah iaitu seramai 19 orang sahaja.

4.2 Objektif 1: Faktor Penguasaan Murid Terhadap Bacaan Al-Quran Berasaskan Kaedah Iqra'

Bahagian ini membincangkan tentang faktor penguasaan murid terhadap bacaan al-Quran berasaskan kaedah Iqra'. Dalam bahagian ini, responden mengguna, menilai dan memilih pernyataan yang paling sesuai bagi mereka dalam faktor penguasaan kaedah Iqra'. Penyelidik telah membahagikan kepada dua unit iaitu B (1) yang telah dijawab oleh responden melalui soal selidik yang menjurus kepada murid itu sendiri dan Bahagian B (2) merupakan item yang cuba melihat kepada faktor seterusnya dalam penguasaan kaedah Iqra' yang menjurus kepada diri guru itu sendiri

4.2.1 Bahagian B (1) Murid

Jadual 4.2.1 Bahagian B (1) - Pemerhatian Guru Terhadap Murid Tahun Satu (%)

Item	N	Ya	Tidak	Tidak Pasti	Min
1. Suka mempelajari kaedah Iqra'	100	95	2	3	1.08
2. Mempunyai keinginan untuk mahir dalam kaedah Iqra'	100	95	4	1	1.06
3. Telah pandai membaca Iqra' sepenuhnya	100	22	70	8	1.86
4. Telah menguasai sekurang-kurangnya Iqra' 3	100	54	39	7	1.53
5. Dipantau oleh Ibubapa/penjaga sama ada telah membaca Iqra' atau tidak	100	32	22	46	2.14
6. Rajin bertanya kepada saya tentang Iqra'	100	62	30	8	1.46
7. Bersungguh-sungguh semasa sesi Iqra'	100	85	10	5	1.20
8. Mengambil perhatian semasa sesi Iqra'	100	85	10	5	1.20
PURATA MIN KESELURUHAN : 1.44					

Menerusi borang soal selidik yang telah dilengkapkan oleh responden seramai 100 orang yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam Daerah Muar, dapatan analisis untuk bahagian B iaitu faktor penguasaan menggunakan kaedah iqra' – pemerhatian guru terhadap murid tahun satu ditunjukkan dalam Jadual 4.2.1. Purata Min bagi

keseluruhan item satu hingga lapan ialah 1.44. Ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan min berada pada paras sederhana. Min tertinggi yang diperolehi ialah pada item lima iaitu 2.14. Ini bermaksud bahawa majoriti responden tidak dapat memastikan sama ada ibubapa murid tahun satu sekolah mereka memantau sama ada anak mereka membaca Iqra' di rumah atau tidak. Manakala min kedua tertinggi ialah pada item tiga iaitu responden mengakui bahawa tidak semua murid tahun satu di sekolah mereka telah menguasai kaedah Iqra' sekurang-kurangnya Iqra' 3. Di samping itu, item dua mencatatkan min terendah iaitu 1.06 yang mana responden berpandangan bahawa majoriti murid tahun satu di sekolah masing-masing mempunyai keinginan untuk mahir dalam kaedah Iqra'.

4.2.2 Bahagian B (1) Guru

Jadual 4.2.2 Bahagian B (2) - Pemerhatian Guru Terhadap Diri Sendiri (%)

Item	N	Ya	Tidak	Tidak Pasti	Min
1. Suka mengajar menggunakan kaedah Iqra'	100	90	6	4	1.14
2. Melagukan bacaan Iqra' semasa mengajarkannya	100	60	31	9	1.49
3. Memahami kehendak kaedah Iqra'	100	88	2	10	1.22
4. Tahu mengapa kaedah Iqra dijadikan sukatan di sekolah	100	80	6	14	1.34
5. Melaksanakan tasmik dalam waktu PdPc	100	95	3	2	1.07
6. Melaksanakan tasmik di luar waktu PdPc	100	29	68	3	1.74
7. Melaksanakan tasmik satu waktu @ 30 minit seminggu	100	34	65	1	1.67
8. Melaksanakan tasmik dua waktu @ 60 minit seminggu	100	79	20	1	1.22
9. Melaksanakan tasmik lebih daripada dua waktu @ 60 minit seminggu	100	21	78	1	1.80
PURATA MIN KESELURUHAN : 1.41					

Menerusi borang soal selidik yang telah dilengkapkan oleh responden seramai 100 orang yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam daerah Muar, dapatan analisis untuk bahagian B (2) iaitu faktor penguasaan menggunakan kaedah iqra' – pemerhatian guru terhadap diri sendiri ditunjukkan dalam Jadual 4.2.2 purata min bagi keseluruhan item satu hingga sembilan ialah 1.41. Ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan min berada pada paras sederhana. Min tertinggi yang diperolehi ialah pada item sembilan iaitu 1.80. Ini bermaksud bahawa majoriti responden tidak melaksanakan tasmik lebih daripada dua waktu seminggu. Manakala min kedua tertinggi yang dicatatkan ialah pada item enam iaitu majoriti responden tidak melaksanakan tasmik pada luar jadual waktu persekolahan. Di samping itu, item lima mencatatkan min terendah iaitu 1.07 yang mana responden bersetuju bahawa mereka melaksanakan tasmik dalam jadual waktu persekolahan.

4.3 Objektif 2: Mengenalpasti Matlamat Kaedah Iqra'

Pada bahagian ini membincangkan tentang pandangan para responden tentang matlamat kaedah Iqra' dan sejauh mana mereka mengetahui dan memahami matlamat yang ada pada kaedah Iqra'.

Jadual 4.3.1 Mengenalpasti Matlamat Kaedah Iqra' (%)

Item	N	Ya	Tidak	Tidak Pasti	Min
1. Tahukah anda kaedah Iqra' mempunyai matlamat khusus?	100	77	12	11	1.34
2. Sekiranya ditanyakan sekarang tanpa melihat semula kepada Buku Kaedah Iqra' yang digunakan, bolehkah anda memberikan matlamatnya?	100	54	26	20	1.66
3. Tahukah anda bilangan bab yang ada di dalam Buku Kaedah Iqra'?	100	80	7	13	1.33
4. Bolehkah anda sebutkan apakah yang cuba diketengah dan ditekankan dalam Iqra' 1 hingga 6?	100	83	3	14	1.31
5. Tahukah anda setiap bab dalam Buku Iqra' mempunyai matlamatnya?	100	92	2	6	1.14
6. Adakah anda merasakan bahawa penting untuk mengetahui matlamatnya?	100	95	0	5	1.10
7. Adakah anda merasakan bahawa dengan mengetahui matlamatnya dapat membantu murid dalam menguasai kaedah Iqra'?	100	98	1	1	1.03
PURATA MIN KESELURUHAN : 1.27					

Menurut Jadual 4.3.1, hasil dapatan daripada soal selidik yang telah dijalankan pada Bahagian C menunjukkan min yang hampir sama bagi setiap item yang ditanyakan. Min tertinggi dicatatkan pada item kedua iaitu "Sekiranya ditanyakan sekarang tanpa melihat semula kepada buku Kaedah Iqra' yang digunakan, bolehkah anda memberikan matlamatnya?". Ini berdasarkan sebanyak melebihi separuh responden menjawab boleh menyatakan matlamat Iqra' sekiranya tidak merujuk buku Iqra' yang ada. Manakala min kedua dan ketiga tertinggi dicatatkan dengan perbezaan 0.01 sahaja iaitu pada item pertama dan ketiga yang mana soalan yang ditanyakan berkenaan pengetahuan sama ada responden mengetahui bahawa Iqra' mempunyai matlamat khusus dan kebolehan menyebut bilangan bab dalam Iqra'.

4.4 Objektif 3: Model Baru Pengajaran Al-Quran Menggunakan Kaedah Iqra'

Jadual 4.4.1 Model Baru Pengajaran Al-Quran Menggunakan Kaedah Iqra' (%)

Item	N	Ya	Tidak	Tidak Pasti	Min
1. Semua murid saya telah menguasai Iqra' 1 hingga 6 pada semester pertama tahun satu	100	10	86	4	1.94
2. Semua murid saya boleh membaca al-Quran pada semester kedua tahun satu	100	6	85	9	2.03
3. Saya merasakan sukar bagi murid tahun satu menguasai Iqra' 1 hingga 6 pada semester pertama	100	82	6	12	1.40
4. Saya merasakan sukatan Iqra' yang memerlukan murid tahun satu menguasai Iqra' 1 hingga 6 membebankan murid	100	48	28	24	1.76
5. Saya merasakan sukatan Iqra' yang memerlukan murid tahun satu menguasai Iqra' 1 hingga 6 membebankan guru	100	50	43	7	1.57
6. Saya merasakan perlunya perubahan kepada sukatan ini kepada yang lebih mudah	100	64	25	11	1.47
7. Saya merasakan murid tahun satu tidak harus dibebankan penguasaan sepenuhnya Iqra' 1 hingga 6	100	59	32	9	1.50
8. Saya merasakan perlunya penguasaan murid dalam kaedah Iqra' secara berperingkat-peringkat di sekolah rendah	100	83	10	7	1.24
9. Sekiranya dicadangkan tahun satu hanya perlu menguasai Iqra' 1 hingga 2 sahaja?	100	60	32	8	1.48
10. Sekiranya dicadangkan tahun dua barulah perlu menguasai Iqra' 3 hingga 4 sahaja sambungan daripada tahun satu?	100	60	32	8	1.48

11. Sekiranya dicadangkan tahun tiga barulah perlu menguasai lqra' 5 hingga 6 sahaja sambungan daripada tahun satu dan dua?	100	60	32	8	1.48
12. Sekiranya dicadangkan pada tahun empat barulah perlu memulakan sukatan bacaan al-Quran	100	60	32	8	1.48
13. Adakah anda merasakan cadangan tahun satu hingga tiga hanya perlu menguasai lqra' 1 hingga 6 merupakan cadangan yang bernas?	100	57	30	13	1.56
14. Adakah anda merasakan cadangan memulakan sukatan al-Quran kepada murid bermula tahun empat merupakan cadangan yang bernas?	100	53	33	14	1.61
15. Adakah anda merasakan cadangan tahun satu hingga tiga hanya perlu menguasai lqra' 1 hingga 6 dan memulakan sukatan al-Quran pada murid tahun empat akan memberikan peluang kepada murid untuk khatam pada tahun enam kelak?	100	60	32	8	1.70
16. Adakah anda merasakan bahawa cadangan mengengahkan idea untuk menghadkan tahap satu (tahun satu hingga tiga) hanya perlu menguasai kaedah lqra' 1 hingga 6 akan memudahkan guru dan murid?	100	69	16	15	1.46
17. Adakah anda merasakan bahawa cadangan mengengahkan idea untuk menghadkan tahap satu (tahun satu hingga tiga) hanya perlu menguasai kaedah lqra' 1 hingga 6 akan diterima	100	35	11	54	2.19

pakai oleh pihak KPM?					
PURATA MIN KESELURUHAN : 1.60					

Berdasarkan Jadual 4.4.1 di atas, diketahui tentang jawapan yang diberikan oleh 100 responden soal selidik tentang cadangan model baru pengajaran al-Quran berasaskan kaedah Iqra' di sekolah-sekolah. Daripada paparan jadual tersebut, didapati bahawa min tertinggi dicatatkan pada item terakhir yang menanyakan tentang sama ada cadangan untuk memberikan murid tahun satu hingga tiga hanya perlu menghabiskan Iqra' sahaja dan memulakan sukatan al-Quran pada tahap dua akan diterima oleh pihak KPM iaitu 2.19. Responden menyatakan bahawa ketidakpastian sebanyak 54 peratus sama ada cadangan ini akan diterima atau pun tidak. Manakala min kedua tertinggi iaitu 2.03 dicatatkan pada item kedua daripada bahagian ini. Ia dapat dilihat daripada jawapan dan respon yang diberikan iaitu sebanyak 85 peratus responden menyatakan bahawa murid di sekolah masing-masing belum dapat membaca al-Quran pada tahun satu. Manakala min terendah dapat dilihat pada item kelapan iaitu keperluan kepada penguasaan secara berperingkat-peringkat bagi murid di sekolah rendah. Ianya mencatatkan 1,24 apabila 83 peratus responden bersetuju kepada gesaan perlunya penguasaan secara berperingkat-peringkat dalam Iqra'. Secara keseluruhannya, kesemua item yang dinyatakan pada bahagian D ini berada dalam min yang seimbang yang mana memperlihatkan purata keseluruhan min ialah 1.60. Ini bermaksud item yang ada sesuai digunakan dan berada pada tahap sederhana.

4.5 Item Penting Pelaksanaan Model Baru Pengajaran Al-Quran Menggunakan Kaedah Iqra'

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian yang dijalankan, maka penyelidik mendapati bahawa model baru pengajaran al-Quran perlu diperkenalkan. Model baru yang lebih mudah dan berkesan akan menjadikan hasrat KPM untuk memastikan semua murid beragama Islam di sekolah rendah dapat mengkhatamkan al-Quran pada tahun enam sebelum mereka melangkah ke sekolah menengah akan tercapai. Penyelidik membawakan item-item yang membawa kepada keperluan pelaksanaan model tersebut dalam bentuk jadual iaitu Jadual 4.5.1 agar mudah difahami dan dilihat.

Jadual 4.5.1: Item Penting Pelaksanaan Model Baru Pengajaran Al-Quran Menggunakan Kaedah Iqra'

Bil	Bahagian	Item	Keterangan
1	B (1)	3. Telah pandai membaca Iqra' sepenuhnya	70 peratus belum menguasai sepenuhnya
2	B (1)	1. Telah menguasai sekurang-kurangnya Iqra' 3	Hanya 54 peratus telah menguasai
3	B (2)	1. Melaksanakan Tasmik dua waktu @ 60 minit seminggu	79 peratus melaksanakannya
4	D	1. Semua murid saya telah menguasai Iqra' 1 hingga 6 pada semester pertama tahun satu	86 peratus belum menguasainya
5	D	2. Semua murid saya boleh	85 peratus belum

		membaca al-Quran pada semester kedua tahun satu	boleh membaca al-Quran
6	D	3. Saya merasakan sukar bagi murid tahun satu menguasai lqra' 1 hingga 6 pada semester pertama	82 peratus merasakan sukar
7	D	1. Saya merasakan perlunya perubahan kepada sukatan ini kepada yang lebih mudah	64 peratus merasakan perlu
8	D	2. Saya merasakan murid tahun satu tidak harus dibebankan penguasaan sepenuhnya lqra' 1 hingga 6	59 peratus menjawab ya
9	D	3. Saya merasakan perlunya penguasaan murid dalam kaedah lqra' secara berperingkat-peringkat di sekolah rendah	83 peratus merasakan perlu
10	D	4. Sekiranya dicadangkan tahun satu hanya perlu menguasai lqra' 1 hingga 2 sahaja?	60 peratus bersetuju
11	D	5. Sekiranya dicadangkan tahun dua barulah perlu menguasai lqra' 3 hingga 4 sahaja sambungan daripada tahun satu?	60 peratus bersetuju
12	D	6. Sekiranya dicadangkan tahun tiga barulah perlu menguasai lqra' 5 hingga 6 sahaja sambungan daripada tahun satu dan dua?	60 peratus bersetuju
13	D	16. Adakah anda merasakan bahawa cadangan mengenenahkan idea untuk menghadkan tahap satu (tahun satu hingga tiga) hanya perlu menguasai kaedah lqra' 1 hingga 6 akan memudahkan guru dan murid?	69 peratus bersetuju

Daripada jadual di atas berdasarkan soal selidik yang telah dianalisa, penyelidik mendapati bahawa model baru pengajaran al-Quran menggunakan kaedah lqra' perlu diperkenalkan. Saranan ini dilihat kepada penguasaan murid tahun satu sekolah-sekolah daerah Muar yang mana 70 peratus daripadanya belum menguasai lqra' sepenuhnya sedangkan sukatan sedia ada sepatutnya dihabiskan pada enam bulan pertama tahun satu. Selain itu, murid yang telah menguasai sekurang-kurangnya lqra' 3 hanya 54 peratus sahaja. Tambahan pula, walaupun 79 peratus responden menyatakan bahawa mereka telah melaksanakan sesi tasmik 60 minit seminggu tetapi penguasaan lqra' masih berada dalam tahap lemah. Ini kerana lqra' 1 hingga 3 hanya

memfokuskan baris *fathah, kasrah dan dhommah* serta *mad asli* sahaja yang merupakan asas kepada bacaan al-Quran yang betul.

Selain itu, soal selidik mendapati bahawa 86 peratus responden menyatakan murid-murid tidak dapat menguasai lqra' 1 hingga 6 pada semester pertama dan sebanyak 85 peratus menyatakan bahawa murid belum boleh membaca al-Quran pada semester kedua tahun satu sedangkan ia merupakan sukatan yang telah ditetapkan oleh KPM. Kajian juga mendapati 82 peratus responden merasakan sukar bagi murid tahun satu menguasai sukatan lqra' sepenuhnya pada semester pertama. 64 peratus responden pula merasakan perlunya perubahan sukatan yang lebih mudah untuk membantu murid menguasai kaedah lqra'. Selain itu 59 peratus responden menyatakan bahawa murid tahun satu tidak harus dibebankan dengan sukatan sepertimana yang dilaksanakan pada masa kini. Responden kajian ini turut bersetuju perlunya penguasaan murid di sekolah rendah secara berperingkat-peringkat ke arah matlamat penguasaan lqra' dan khatam bacaan al-Quran.

60 peratus responden bersetuju dengan cadangan untuk memberikan peluang kepada murid tahun satu untuk menguasai lqra' 1 hingga 2, murid tahun dua menguasai lqra' 3 hingga dan murid tahun tiga menghabiskan sukatan lqra' iaitu lqra' 5 hingga 6. Selain itu responden turut bersetuju agar sukatan bacaan al-Quran dimulakan pada tahun empat setelah menghabiskan sukatan lqra' di tahun satu hingga tiga. Selain itu, 69 peratus responden turut merasakan bahawa cadangan ini akan memudahkan bukan sahaja guru bahkan apa yang lebih penting lagi ialah mudahnya murid dalam penguasaan kaedah lqra' seterusnya dapat membaca al-Quran serta mengkhatamkannya pada tahun enam. Cadangan ini selaras dengan hasrat KPM dalam melahirkan murid yang menguasai kaedah lqra' dan khatam al-Quran pada tahun enam.

5.0 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada kajian ini beberapa cadangan disyorkan bagi memperkasa pengajaran al-Quran berasaskan kaedah lqra' di sekolah-sekolah rendah. Antaranya ialah murid pada tahap satu diberikan penekanan kepada kaedah lqra' sahaja yang mana sukatan di tahun satu ialah lqra' satu dan dua manakala sukatan di tahun dua ialah lqra' tiga dan empat. Sukatan di tahun tiga ialah lqra' lima dan enam. Selain itu, pengajaran al-Quran akan dimulakan pada tahun empat selepas semua murid dapat menghabiskan sukatan lqra' di tahap satu. Sukatan yang lebih mudah diperlukan di sekolah-sekolah agar pelaksanaan kaedah lqra' dan pengajaran al-Quran akan lebih tersusun. Kursus-kursus dan bengkel-bengkel pemantapan pedagogi al-Quran untuk Guru-guru Pendidikan Islam perlu diadakan agar semua guru mempunyai kaedah yang lebih baik dalam pengajaran al-Quran. Di samping itu juga aspek tajwid perlu ditekankan pada tahap satu dan aspek tarannum ditekankan pada tahap dua. Justeru adalah diharapkan cadangan-cadangan yang dinyatakan ini dapat membantu hasrat KPM untuk melahirkan murid-murid yang dapat khatam al-Quran pada tahun enam ke arah melahirkan generasi celik al-Quran.

Rujukan

- Abdul Aziz, N. A., & Jaafar, N. (2018). Penguasaan Pembelajaran al-Quran Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 24-36.
- Elias bin Muhammad Sidek (2016). Teknik Pembimbing Rakan Sebaya Membantu Menguasai Iqra' Bagi Murid Tahun Dua. Latihan ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam Sekolah Rendah) dengan Kepujian. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. USIM. Nilai Selangor.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Aderi. (2004). Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Dan Pencapaian Tilawah al-Quran. Tesis Kedoktoran. Universiti Putra Malaysia. Serdang, Selangor
- Mohd Alwi Yusoff *et. al.* (t.t). Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran. Kolej Universiti Islam Malaysia, Nilai, Malaysia. Retrieved from: <https://docplayer.info/42085625-Keberkesanan-iqra-sebagai-kaedah-pembelajaran-membaca-al-quran-oleh.html>
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Ahmad. (2000). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norsyida Md Zin, Sedek Ariffin & Norhidayah Yusoff. (2014). Keberkesanan Teknik Iqra' Dan al-Baghdadi : Suatu Perbandingan. *Jurnal Usuluddin* 40 (Julai – Disember 2014): 51-69. Universiti Malaya.
- Panduan Pelaksanaan j-QAF. (2005). *Bahagian Pendidikan Islam*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Siti Rahmah Ahmad Razuan *et al.* (2017). Iqra Braille Sebagai Modul Asas Pengajaran Dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Isu Ketidakteraturan Antara Dua Teks. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.Vol 1 No 1.